

MSM lantik Mohamad Amri sebagai CEO

13 Julai 2016 12:13 AM

 Like 0  Share 0  Tweet 6  Google+ 0

KUALA LUMPUR 12 Julai – MSM Malaysia Holdings Bhd. melantik Mohamad Amri Sahari sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) berkuat kuasa hari ini, menggantikan Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod yang meninggal dunia.



Mohamad Amri

Mohamad Amri merupakan Timbalan CEO MSM sejak Mac 2011, kata kumpulan itu dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini.

Sebelum menyertai MSM, Mohamad Amri ialah Pemangku Pengurus Besar, Pemerolehan dan Perkhidmatan Bekalan bagi Felda Palm Industries Sdn. Bhd.

“Saya amat berbesar hati dengan pelantikan ini dan menjadi keutamaan saya untuk memastikan visi yang ditetapkan oleh Allahyarham Datuk Sheikh dipenuhi,” kata Mohamad Amri dalam satu kenyataan.

Mohamad Amri memulakan kerjaya beliau sebagai jurutera kilang dengan Felda Palm Industries Sdn.

Bhd. pada 1989 dan dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar, Perkhidmatan Pemerolehan dan Bekalan dalam syarikat yang sama. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn. Bhd. pada 2004.

Beliau memiliki Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) daripada South Dakota State University, Amerika Syarikat.

– BERNAMA